

16 NOV 2000

TIMBALAN PERDANA MENTERI REPUBLIK CZECH LAWAT MENARA BERKEMBAR PETRONAS

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Republik Czech, Pavel Mertlik yang berada dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia, hari ini melawat Menara Berkembar Petronas.

Ketibaan beliau disambut Pengarah Urusan KLCC Holdings Bhd, Arlida Ariff sebelum dibawa ke tingkat 41 untuk menonton tayangan video mengenai pembinaan menara itu.

Mertlik yang juga menteri kewangan turut meninjau jejantas yang menghubungkan Menara Satu dan Menara Dua Petronas walaupun tahap pemandangan agak terhad kerana kabus akibat hujan lebat yang melanda ibu negara petang ini.

Rombongan 12 delegasi tersebut termasuk Timbalan Menteri Kewangannya Ladislav Zelinka, turut dibawa meninjau pemandangan di tingkat 83 sebelum menikmati jamuan ringan di Club House di tingkat 42.

Rombongan itu tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL hari ini dan disambut oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Esok, pemimpin Czech itu dijadual mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Beliau juga akan melawat Bank Negara, kilang Proton di Shah Alam dan Perbadanan Pembangunan Multimedia di Cyberjaya.

-- BERNAMA

KLS ZS RI